

# Politik berbas negara

U.M 14/05/08 MS 11

## Dalam situasi kenaikan harga beras yang melonjak naik secara mendadak, apa yang dapat diperlihatkan ialah wujud perkaitan di antara kenaikan harga sesuatu komoditi dengan kemerosotan ekonomi, inflasi dan juga mampu menggugat perkembangan ekonomi sesuatu negara

DALAM perspektif kenaikan harga beras yang dialami Malaysia, pelbagai andaian wujud dan sudah tentunya berupa spekulatif kepada pemikiran semasa, maka ia memberikan reaksi kepada minda untuk membina persepsi dan meletakkan 'pertanggungjawaban' terhadap krisis kenaikan harga yang dialami kini kepada pihak-pihak tertentu.

Rakyat mula menyalahkan kerajaan, kerajaan pula mungkin akan menyalahkan pembekal dan juga pengguna, sementara persatuan-persatuan pengguna pula akan mula sibuk menuntut 'hak-hak' serta mengemukakan pelbagai nasihat serta panduan untuk pengguna supaya berhemah. Inilah kebiasaan yang berlaku kepada rakyat hingga ke peringkat aktivis serta kepada kerajaan apabila sesuatu bersifat 'bencana' menimpa negara. Ia seolah-olah menjadi satu fenomena.

Fenomena yang terbentuk ini bersesuaian sekali dengan pepatah 'bila terhantuk, baru tengadah'. Pepatah ini seolah-olah sinonim dengan perjalanan semasa negara yang apabila timbul sahaja sesuatu isu, maka segala jalan penyelesaian dan pelan tindakan akan mula menyusur.

Tindakan menyediakan 'payung sebelum hujan' tidak pun menjadi falsafah dan pegangan kebanyakan dari kita. Ini menjadikan negara kucar-kacir dengan fenomena dan pembinaan persepsi yang mungkin mampu memusnahkan kerajaan dan sesebuah negara.

Dalam situasi kenaikan harga beras yang melonjak naik secara mendadak, apa yang dapat diperlihatkan ialah wujud perkaitan di antara kenaikan harga sesuatu komoditi dengan kemerosotan ekonomi, inflasi dan juga mampu menggugat perkembangan ekonomi sesuatu negara. Adakah 'inflasi beras' yang berlaku kini mampu menjadi 'pengait' hingga merebakkan krisis? Inilah persoalan yang perlu difahami rakyat dan juga di teliti pentadbiran negara.

Di beberapa buah negara seperti Pakistan, Haiti, Zimbabwe, Mesir serta yang terbaru Indonesia dan beberapa buah negara membangun lainnya, kenaikan harga komoditi dan keperluan asasi masyarakat akan turut diikuti oleh tindakan anarki bersifat demonstrasi jalanan, permusuhan, rusuhan serta juga diambil kesempatan oleh ansir politik untuk menggugat ke-

stabilan bernegara.

Kenaikan harga komoditi bukan menjadi satu 'ketegangan kos' semata-mata, tetapi ia seolah-olah berharga buat para politikus untuk mencetuskan ketidakstabilan dengan harapan kerajaan dapat ditumbangkan dan politik tersebut akan mendapat kuasa dan mandat rakyat.

Bagi para politikus anarki ini, segala yang berlaku, terutamanya kenaikan kos sara hidup rakyat akan dipolitikkan dengan andaiannya mereka mampu menjadikan ia teras modal kepada mereka untuk berkuasa. Maka, sekali lagi, kesan ekonomi digerakkan hingga merebakkan konflik politik.

Mujurlah di Malaysia, perkara sebegini masih mampu dibendung dengan fikiran waras rakyat dan ahli politiknya, dan 'tsunami senyap' hanya berlaku dalam kotak undi, dan bukan melalui rusuhan jalanan. Tabik hormat perlu diberikan kepada rakyat yang bijak mengenal antara permainan politik dan situasi sebenar.

### Kenaikan

Jika dahulu, segenap pelosok rakyat daripada profesional, pentadbir serta rakyat marhain, kenaikan harga minyak menjadi topik utama, kini, dampak baru kenaikan harga beras menjadi perbualan utama masyarakat termasuk di warung-warung dan juga di pejabat.

Dampak kenaikan harga beras yang menjadi makanan ruji masyarakat negara ini dilihat sebagai sesuatu yang sensitif. Lonjakan harga hingga hampir mencecah 80 peratus daripada harga asal membuatkan rakyat 'kecewa'.

Dalam konteks kenaikan harga beras, sesuatu yang pelik berlaku. Ini kerana, harga padi tetap sama, namun harga beras melonjak naik mendadak. Apakah ini juga dikaitkan dengan spekulasi? Kenapa tidak spekulator beras ini tidak pula menjadi spekulator padi?

Harga padi lain, harga beras lain. Ini satu keajaiban. Para petani yang mengerjakan sawah tidak pun menikmati nikmat daripada kesan kenaikan harga beras. Yang mendapat nikmat ialah para pengilang, pengedar dan juga penjual beras.

Para pengeksport beras juga mungkin semakin berganda keuntungannya. Kesan kapitalis makanan kepada negara dan juga dunia menunjukkan bahawa sistem pasaran terbuka kini menjadikan satu dunia anarki.

Rakyat harus faham bahawa kenaikan harga beras negara juga berkait rapat dengan apa yang sedang berlaku di beberapa buah negara pengeluar dan pengeksport beras dunia seperti Vietnam, Filipina, Kemboja, Laos dan juga Thailand.

Mereka dicengkam oleh spekulasi beras di negara mereka, mengakibatkan mereka mengambil tindakan untuk tidak mengeksport atau menjual beras seperti mana kebiasaan kepada pasaran luar, akhirnya kesan ini turut merebak ke pasaran domestik negara lain.

Pasaran Malaysia seolah-olah mengalami tekanan bersifit mendadak, dengan andaiannya bahawa beras dalam negara sudah tidak mencukupi. Ini sekali lagi memberikan gandingan spekulasi harga, akibat pasaran terbuka yang diamalkan kapitalis.

Akibatnya, para pengilang, pemborong dan juga peniaga beras swasta mula menaikkan harga walaupun stok mereka adalah stok lama. Inilah kesan 'kapitalisme makanan' yang mencengkam pasaran komoditi negara.

Kenaikan harga beras negara, perlu dihayati oleh para petani dan pesawah. Di Kedah misalnya, suatu ketika dahulu, wujud cadangan Tun Dr. Mahathir yang mahu 'estet' padi diwujudkan.

Dengan kewujudan estet ini, maka para petani semestinya akan bergabung dan tanpa mengira batas sempadan tanah, masing-masing mengerjakan sawah secara besar-besaran. Ia seolah-olah satu 'koperasi' ataupun 'syarikat besar' yang dilihat akan tu-

rut mempengaruhi pengeluaran serta mampu bertindak sebagai satu suara secara berkumpulan untuk memperjuangkan hak pengeluaran padi.

Para pesawah yang majoritinya Melayu dan bumiputera pastinya akan mendapat nikmat sebagai kuasa dominasi pasaran bukan sahaja sebagai pengeluar padi tetapi juga mungkin akan mampu membentuk 'syarikat beras' tersendiri.

Akhirnya, pesawah di Kedah dan juga di negeri lain mungkin akan menjadikan mereka lebih efisien dari segi pengeluaran padi dan juga memasarkan sendiri beras tanpa perlu melalui pengilang yang hanya menjadi 'orang tengah.'

Estet padi beracuan organisasi Felda mungkin dapat menjamin keutuhan keselamatan komoditi bukan sahaja beras, tetapi padi di negara ini.

Kenaikan harga komoditi yang berlaku kini harus dipandang dari sudut keselamatan negara, dan bukan hanya jadi modal politik semasa.

Jika kenaikan harga turut dijadikan permainan politik, maka kini Pas dan kerajaan pakatan pembangkang di Kedah yang menguasai 'jelapang padi' negara harus bertindak mengurangkan harga beras sekurang-kurangnya di negeri tersebut bagi meringankan bebanan kos yang ditanggung rakyat dan pesawah di negeri tersebut.

Isu kenaikan harga beras bukan satu polemik di Malaysia sahaja, tetapi ia adalah polemik ASEAN dan juga dunia sejagat. Jika tidak diambil kira apa yang berlaku kini sebagai asas 'ancaman masa hadapan negara', maka tidak mustahil dalam masa yang singkat, Malaysia akan mufles dan terjerumus ke arah anarki akibat gugatan kos yang meninggi.

Langkah kerajaan perlu disambut oleh masyarakat 'kapitalis' dan juga pengguna untuk sama-sama meredakan keadaan dengan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan 'peniaga' dan pengguna yang adakalanya mahu mengaut keuntungan dan juga boros dalam menggunakan sesuatu komoditi tersebut. Masanya kini untuk seluruh negara dan juga dunia melakukannya dengan jimat-jimat besar-besaran.

□ PENULIS ialah pensyarah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.